

Pandu Uji Khas

Exora bukti Proton tepati janji

Oleh Hezeri Samsuri

hezerisamsuri@bharian.com.my

BUKAN mudah untuk membuat sesuatu buat kali pertama dengan sempurna.


Dalam dunia automotif, ia menjadi lebih sukar. Lebih daripada 3,000 komponen yang perlu direka, dibuat dan dipasang untuk menjadikan sebuah kenderaan.

Walaupun dikomen sebagai terlalu lambat dalam menghadirkan genre MPV (Multi Purpose Vehicle - kenderaan pelbagai guna), Proton mengambil inisiatif untuk mempelajari selok-belok pasaran dan hasilnya ialah sebuah MPV yang menjadi jawapan kepada segala kelemahan MPV lain yang berada di pasaran.

Exora direka untuk memberikan apa yang gagal diberikan oleh seterusnya seperti Nissan Grand Livina, Toyota Avanza, Toyota Innova, Naza Citra dan Naza Rondo di dalam kategori MPV kelas kemasukan dan menengah.

Dari segi saiz, Exora lebih lebar dan panjang dari Toyota Innova. Namun begitu, Exora masih menampilkan ciri kereta dengan kadar ketinggian yang jauh lebih rendah dari Avanza. Ruang lega bumi (ground clearance) juga lebih rendah dari Avanza ataupun Grand Livina, membuktikan Exora masih kekal sporty walaupun bersaiz besar.

Dibina dalam masa 18 bulan dari waktu rekabentuk disahkan (model fix) hingga produksi, Exora menggunakan teknologi casis pelbagai yang boleh digunakan untuk kenderaan komersial dan juga kereta sedan.



■ Kiri: Pengerusi Proton Holdings Berhad, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Tun Mahathir Mohamed dan Datuk Sy

Suspensi depan jenis MacPherson memberikan kawalan yang seperti kereta sementara batang pegas (torsion beam) di belakang membolehkan ruang barang yang besar. Hasilnya, bahagian kabin yang cukup luas.

Proton memastikan Exora ini mampu memuatkan 95 peratus saiz manusia, ataupun secara mudah tujuh orang penumpang setinggi 6 kaki 2 inci.

Tak cukup dengan fakta itu, dua barisan kerusi di belakang boleh dibaringkan secara rata ke lantai tanpa mencabut penyandar kepalanya; sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh Innova dan Avanza.

Tempat letak barang di belakang juga turut menampilkan lantai yang boleh diterbalikkan untuk barang basah.

Kemasan plastik dari papan pemuka sehingga kepada corong-corong pendingin udara di belakang nampak lebih berkualiti dari model Proton sebelumnya. Konsol dipenuhi dengan tempat meletak barang kecil dan terdapat 10 tempat letak air di dalam kabin Exora.

Kelengkapan audio tidak dilupakan. Butang pada stereng memudahkan kawalan radio dan pemain CD sementara bahagian belakang pula terdapat sebuah pemain DVD di siling dengan paparan LCD TFT 8.5 inci.

Sistem Body Control Module atau BCM pula menampilkan pelbagai ciri moden, hasil penggunaan litar elektronik CAN-Bus sepenuhnya. Antara ciri canggih ialah pengelap cermin yang boleh diprogramkan, pintu yang

Perbandingan dimensi

Ciri-ciri	Proton Exora 1.6 auto	Nissan Grand Livina 1.6L	Toyota Avanza 1.5L	Naza Kia Rondo 2.0 auto	Toyota Innova 2.0 auto
Berat bersih (kg)	1422	1245	1120	1619	1575
Berat kasar kenderaan (kg)	1906	1785	-	-	2210
Panjang (mm)	4592	4420	4150	4545	4580
Lebar (mm)	1809	1690	1630	1800	1770
Tinggi (mm)	1691	1590	1695	1650	1755
Lega bumi (mm)	160	180	180	-	200
Saiz tangki minyak (liter)	55	52	45	55	55
Jarak pusingan (turning radius)	5.4	5.2	4.7	5.3	5.4

Sumber: Data dari Proton

dikunci pada kelajuan 20kmsj, amaran bateri kunci lemah, lampu kecemasan dinyalakan selepas brek kecemasan dan sebagainya.

Sistem keselamatan dipertingkatkan dan untuk pertama kalinya, beg udara pemandu dan penumpang hadapan serta sistem ABS dan EBD dijadikan alatan standard. Casis yang diguna pakai juga direka agar mampu mencapai tahap 4 bintang dalam ujian perlanggaran NCAP Eropah. Untuk yang masih kurang percaya, layari laman web

www.cbt.com.my untuk melihat Exora ini ketika ujian pelanggaran depan, sisi dan diterbalikkan.

Pandu uji ringkas yang dilakukan oleh Proton untuk pihak media seminggu sebelum pelancaran Exora melihat kebanyakan pihak media memberikan pujian terhadap MPV sulung syarikat tersebut.

Umumnya, ramai yang terkejut melihat saiz kabin Exora dan juga kualiti serta aksesori yang diberikan.

Prestasi enjin dari Campro CPS



■ Pemain DVD dengan skrin TFT LCD 8.5 inci.

tersebut seperti yang telah dikatakan oleh *BH Auto* semasa pandu uji rahsia tiga minggu lalu, memadai. Pihak Proton nampaknya hanya mahu menawarkan versi automatik terlebih dahulu. Pastinya akan ada yang mengadu kerana mereka yang diluar bandar sibuk atau yang sering berjalan jauh masih mahu menggunakan transmisi manual.

Jurutera Proton mendakwa penggunaan minyak untuk Exora ialah 7.2 liter untuk setiap 100km jika dipandu selaju 90kmsj. Untuk bacaan lebih realistik, penggunaan minyak di bandar dan lebuhraya ialah 9.2liter/100km.

Komen *BH Auto* pula, susunan gear perlu dibaiki kerana kedudukan posisi Neutral, D dan 3 terletak di barisan




■ Lampu belakang LED cukup terang.

yang sama. Apabila hendak menukar dari gear 3 ke D, seringkali penulis terus termasuk ke Neutral, menyebabkan enjin meraung secara tiba-tiba.

Model ujikaji yang dipandu uji dahulu nyata lebih senyap. Model produksi ini menghasilkan bunyi angin yang sedikit bising, namun tidak seteruk mana dan masih selesa dibanding dengan MPV sekelasnya.

Laporan lengkap akan diberikan selepas pandu uji penuh Exora kelak.




■ Lantai ruang barang boleh dibuka.




■ Ruang barang bahagian depan.



Exora tiket Proton ke platform dunia




Tempat gantung bungkusan.



Tuil gear nampak moden.

Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir.



Kemasan terbaik dari Proton.



Ruang luas untuk 7 penumpang dewasa.

MULAI dari model Exora ini, pasaran tempatan untuk Proton bermaksud pasaran Asia Tenggara."

Begitulah pentingnya model Exora ini kepada Proton menurut Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir.

Proton melabur sebanyak RM480 juta untuk menghasilkan Exora ini. Tidak ada pinjaman teknologi yang digunakan dan Exora adalah hasil rekaan seratus peratus anak tempatan, dengan bantuan vendor-vendor bertaraf dunia.

Proton juga bakal mengeluarkan kenderaan komersial ringan seperti van dan lori pikap dalam masa terdekat ini, dan juga sebuah model sedan.

Setakat ini, sebanyak 2,500 tempahan telah diterima dan ia adalah dalam jangkaan sasaran jualan Proton. Pasaran yang bakal diterokai oleh Exora ialah Indonesia dalam bulan Julai kelak dan kemudian diikuti oleh Thailand dan pasaran negara Asean yang lain.

Proton juga merangka jauh pasaran untuk Exora ini, sejauh India dan juga beberapa negara membangun yang lain.

"Kami mahu mengikis gelaran jaguh kampung dan Exora ini mampu untuk mengorak langkah agar Proton pergi lebih jauh," ujar Datuk Syed Zainal.

Kelebihan Proton juga terserlah dengan Exora dan juga model Saga kerana ia mampu menyempurnakan



“Kami mahu mengikis gelaran jaguh kampung dan Exora ini mampu untuk mengorak langkah agar Proton pergi lebih jauh.**”**

Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
Ketua Pegawai Operasi Proton

kehendak pasaran tempatan. Ini ialah kerana ia tidak bergantung kepada rakan kongsi dari Jepun atau Korea untuk menghasilkan modelnya sendiri. Tahniah Proton.

Perbandingan prestasi

Perbandingan prestasi	Proton Exora 1.6 auto	Nissan Grand Livina 1.6L	Toyota Avanza 1.5L	Toyota Innova 2.0 auto
Kuasa	125hp @ 6,500rpm	104hp @ 5,200rpm	108hp @ 6,000rpm	134hp @ 5,600rpm
Tork	150Nm @ 4,500rpm	150Nm @ 4,400rpm	141Nm @ 4,400rpm	182Nm @ 4,000rpm
Nisbah kuasa/berat	88.0hp/tan @ 1,422kg	88.0hp/tan @ 1,422kg	96.4hp/tan @ 1,120kg	85.1hp/tan @ 1,575kg

Sumber: Data dari Proton

Spesifikasi

Enjin: Campro 4-silinder 16-injap DOHC
Kuasa maksimum: 125hp @ 6,500rpm
Tork maksimum: 150Nm @ 4,500rpm
Transmisi: 4-kelajuan auto
Ciri keselamatan: Beg udara, lampu belakang LED, ABS, EBD, dan Backup EBD
Harga: RM75,998 untuk High-Line, RM69,998 untuk Medium Line